

SASTERA DAN BUDAYA NIAGA DALAM MASYARAKAT NUSANTARA PADA ABAD TRANSISI TRADISIONAL -MODEN

(Literature and the Mercantile Culture During the Transitional Period Traditional-Modern of the Malay World)

Noriah Taslim
tnoriah@gmail.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Tel.: +603-89213696

Abstrak

Makalah ini meneliti perubahan sosiobudaya masyarakat Nusantara akibat pertembungannya dengan aktiviti perdagangan pada abad ke-17 hingga 19 seperti yang dicerminkan dan dicernakan dalam karya sastra. Abad tersebut dapat dianggap sebagai abad transisi-budaya, politik dan ekonomi tempatan, dari tradisional ke moden. Secara teori dan pragmatiknya, teks sastra menjadi dokumen zaman dan sekali gus kayu tara yang terbaik untuk meneliti dan mengukur perubahan sikap, nilai dan persepsi masyarakat dalam pertembungannya dengan budaya niaga yang muncul pada abad transisi tradisional-modern ini. Perubahan tersebut bukan sahaja dapat dilihat daripada perombakan terhadap konvensi genre (bentuk, tema, latar, watak) tetapi juga daripada penampilan isu ekonomi dan sosial yang lahir natijah daripada penglibatan manusia Nusantara dalam budaya wang. *Hikayat Nakhoda Muda*, teks abad ke-18 dari Lais, Bangkahulu/Benkulin, contohnya memaparkan penglibatan sebuah keluarga Minangkabau dari Semangka/Lamongong dalam perdagangan lada di Sumatera; *Hikayat Ranto*, teks abad ke-18 dari daerah Aceh, pula menukil isu sosial yang timbul daripada penglibatan Aceh dengan budaya wang. *Syair Sinyor Kosta* – teks abad ke-19 dari Palembang/Riau, memperlihatkan kecenderungan pengarangnya yang menarik dan radikal untuk merombak konvensi genre (roman) dan bentuk genre (syair) untuk mencerminkan dan menyesuaikan dengan budaya niaga yang lebih demokratik, liberal dan kosmopolitan.

Kata kunci: Nusantara, abad transisi, budaya niaga, masyarakat kosmopolitan, genre transisi

Abstract

The essay is an attempt to examine the socio-cultural changes in Malay society brought about by its commercial engagement in the 17th-19th century Malay world, as reflected in various works of literature. The period may also be termed as the “transitional era”, so-called because it manifested a significant shift or progression from tradition to modernity, affecting the various facets of Malay society - culture, politic, economy. Theoretically and pragmatically, works of literature are the best documentation of Malay society and subsequently become the ideal yardstick to measure and evaluate changes in attitudes, values and perceptions of the society in its encounter with the commercial culture that emerged during the transitional era. These changes are traceable not only in the mutation of the literary convention but also manifested through themes and issues relating to Malay participation in the “money” culture. Hikayat Nakhoda Muda (17th century text from Bencoolin) relates the involvement of a Minangkabau family in the pepper trade in Sumatra; Hikayat Ranto (18th century text from Aceh) highlights the socio-cultural issues emerging from Acehnese involvement in pepper plantation; Syair Sinyor Kosta (a 19th century text from Palembang/Riau) on the other hand, displays the author’s tendency to break genre convention to accommodate with the new democratic, liberal and cosmopolitan trading society.

Keywords: transitional period, transitional genres, genre convention, mercantile culture, cosmopolitan society

PENDAHULUAN

Makalah ini akan melakar secara umum kemunculan dan perkembangan budaya niaga di Nusantara, dengan memberi fokus kepada beberapa kawasan utama yang menjadi latar kepada karya sastera yang akan dibincangkan. Kawasan tersebut ialah Bantan atau Banten, Deli, Aceh dan Melaka.

Budaya niaga dalam masyarakat Melayu Nusantara sudah wujud sejak awal zaman Kerajaan Melayu Srivijaya (kurun ke-7) yang berpusat di Jambi atau Palembang. Aktiviti perniagaan ini kemudiannya berkembang pada abad ke-13, seterusnya menjadi rancak dan signifikan pada abad ke-15 dan ke-16 dengan Melaka dan Aceh sebagai tapak dagangan utama di Nusantara. Di sepanjang era tersebut,

China dan Eropah menjadi pasaran utama hasil kepulauan Nusantara, terutamanya rempah dan lada hitam.¹

Sekiranya dikalih balik halaman sejarah, kita mungkin dapat saksikan bahawa kedatangan Islamlah (hatta para pedagang Muslim dari Timur Tengah dan India) yang bertanggungjawab memunculkan Melaka dan kemudiannya Aceh sebagai pusat perdagangan utama Nusantara, sejak pertengahan abad ke-14 dan ke-15. Melaka terutama sekali, kerana kedudukannya yang strategik di laluan dagang Timur-Barat, menjadi pusat niaga, pengedaran dan pertukaran dagangan, yang terpenting pada abad ke-15. Di sepanjang era tersebut pedagang Muslim (Timur Tengah dan India) bukan sahaja menguasai perniagaan lada atau rempah tetapi juga jalan rempah (*spice route*) ke Eropah.

Pada awal abad ke-16 anjakan yang besar dalam perdagangan rempah di Timur apabila Melaka ditakluki Portugis (1511). Keadaan ini kemudiannya mengakibatkan kemelesetan kepentingan pedagang Muslim, dan memonopoli bukan sahaja perdagangan rempah dan lada hitam tetapi juga laluan dagang di Selat Melaka.

Natijahnya pedagang Muslim mula menghala kapalnya ke pelabuhan lain terutamanya Aceh, Jambi, Banten, Demak, Surabaya dan Makasar. Penaklukan Melaka membuka kesempatan kepada Aceh untuk membangun sebagai sebuah kuasa baharu di bahagian barat Kepulauan Melayu dan di pintu masuk Selat Melaka. Dalam tahun 1570, di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda, Aceh menebar kuasanya ke arah pantai timur Sumatera terutamanya ke Deli, Pasai dan Pidie, hatta meluaskan juga wilayah kuasa perdagangannya.

Perdagangan rempah yang menguntungkan kerana keperluannya yang meningkat di Barat, membawa masuk lebih ramai bangsa Eropah, seperti Inggeris, Sepanyol dan yang paling pentingnya Belanda. Suku bangsa ini bersaing dengan pesat dan kesat (kadang-kadang licik dan rakus) untuk mendapat hak dan monopoli atas perdagangan rempah di pusat rempah di Timur, terutamanya di Sumatera, Jawa dan Borneo.

Belanda dengan cepat menakluki Ambon² daripada Portugis, seterusnya mengusir Inggeris dari Banten dan kemudiannya membuka penempatan di Batavia pada tahun 1610. Tidak lama selepas itu merampas Melaka daripada Portugis (1614). Inggeris pula, setelah berjolak-jolak dengan beberapa pusat niaga rempah di Sumatera, akhirnya mengalih minatnya ke kawasan pantai barat sebelah selatan Sumatera, dan mengasas kuasanya di Bangkahulu/Benkulin.³

Persaingan perdagangan suku bangsa Eropah ini mengubah dan merombak rupa paras geopolitik kerajaan tempatan. Barat mengambil kesempatan pelbagai kelemahan raja Melayu⁴ untuk menebar pukul pengaruh dan akhirnya melalui perjanjian (kadang amaran lembut) untuk menguasai kerajaan tersebut.

Mengikuti Milner, (1982) raja-raja Melayu di seluruh rantau Dunia Melayu amat terlibat, secara langsung atau tidak dengan perdagangan;⁵ kerana penglibatan perdagangan merupakan lorong mudah untuk mengaut kekayaan; kekayaan pula penting untuk menegaskan kekuasaan.⁶ Banten berjaya menguasai Lampong atau Semangka,⁷ Aceh menguasai kerajaan di pesisir pantai timur Sumatera (pada zaman Iskandar Muda), demikian juga Deli,⁸ dan Siak.

Fokus terhadap latar ada kaitannya dengan teks sastera yang dikaji dalam makalah ini. *Hikayat Nakhoda Muda* contohnya lahir pada zaman Bantan/Banten (termasuk Lampong/Semangka) dan Batavia di bawah kekuasaan Belanda; Sultan Banten yang amat aktif terlibat dalam perdagangan memberi hak niaga kepada Belanda sebagai balasan kepada Belanda yang menolongnya meredakan saingan politik di Banten,⁹ dan peristiwa dalam hikayat ini juga berlaku dalam konteks persaingan kuasa niaga yang pahit antara Belanda dan Inggeris di Sumatera.

Hikayat Deli, ditulis pada zaman perdagangan lada yang pesat di antara Deli dan Pulau Pinang pada abad ke-19. Mengikuti Anderson, (1971), 20 000 pikul lada dihantar ke Pulau Pinang dalam tahun 1800. Antara tahun 1815-1822, eksport lada ke Pulau Pinang meningkat sepuluh kali ganda (Milner, 1982). Seperti banyak negeri Melayu, peranan aktif perdagangan dimainkan raja-raja Melayu. Di Deli peranan itu dimainkan Sultan Mangedar Alam dan anaknya Osman dalam tahun 1826 (Milner, 1982). Ciri hikayat ini yang ketaranya menyimpang daripada konvensi genrenya, mungkin dilakukan dengan sengaja dengan tujuan menyanggah kehebatan raja-raja Deli dalam dunia perdagangan moden.

Hikayat Ranto, secara kritis memberi perspektif Melayu tentang kemelut sosial yang berlaku akibat keghairahan membuka dan membangunkan ladang lada di Aceh pada zaman penglibatan Aceh dengan perdagangan lada pada abad ke-17 (Reid, 1969).

Syair Sinyor Kosta, sebuah roman cereka, membawa ke pentas contoh konkrit sebuah kota kosmopolitan¹⁰ yang teras ekonominya ialah perdagangan. Digambarkan babak demi babak aktiviti perdagangan, sorotan demi sorotan gambaran topografi dan demografi sebuah kota niaga yang dilanda pelbagai karenah dan kekecohan akibat kehadiran nilai baharu yang dibawa masuk ke Dunia Melayu.

SASTERA DAN BUDAYA NIAGA DI NUSANTARA

Makalah ini seterusnya akan memberi fokus secara berurutan teks yang tampil dalam suasana budaya niaga pada abad ke-17 hingga ke-19 di beberapa pusat niaga di Nusantara.

Hikayat Nakhoda Muda (versi selenggaraan Drewes, 1971);¹¹ ditulis lebih kurang dalam tahun 1766 di Palli, sebuah penempatan kecil di Lais, Sumatera oleh Lauddin, salah seorang anak Nakhoda Muda. Karya ini dianggap sebagai sebuah karya biografi (naratif diri) yang terawal muncul di rantau Melayu hasil daripada pertembungan budaya Melayu dengan Barat. Abad pertembungan tersebut ditakrifkan sebagai abad transisi. Genre yang berturutan muncul bersama-samanya disebut sebagai genre transisi.¹²

Teks ini meriwayatkan pengalaman hidup (dari awal hingga akhir hayat) seorang pedagang lada berbangsa Minangkabau di Semangka. Beliau dikenali sebagai Nakhoda Muda, kemudiannya di gelar Kiai Demang Purwasedana, gelaran yang diberi oleh Sultan Banten sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan kebaktiannya kepada Sultan dan Belanda. Dalam biografinya, Lauddin menurunkan dengan tekun dan rinci (kadang-kadang sedikit kritis dan emosional) seluruh pengalaman (manis dan pahit) serta penglibatan bapanya bukan sahaja dalam perdagangan lada di Semangka dan Banten, tetapi juga penglibatannya dalam karenah politik niaga Sultan Banten dan Belanda.

Seperti yang diperhatikan oleh Anderson (1971) dan Milner (1982), di samping raja-raja Melayu, perniagaan lada berjaya memakmurkan sekelompok penduduk tempatan, termasuk di sini Nakhoda Muda dan keluarganya. Namun, seperti lumrah yang berlaku dalam dunia perniagaan pelbagai duri menusuk, iaitu fitnah, penipuan, rebutan perdagangan, pemaksaan kuasa (Milner, 1982). Lauddin memahami semua hakikat ini. Baginya manusia yang jujur yang selalu menjadi mangsa tusukannya. Nakhoda Muda salah seorang mangsa tersebut.

Lauddin tentunya menulis dari perspektif orang Melayu yang menyaksikan pergelutan kuasa asing di negeri Melayu serta kelumpuhan raja tempatan untuk menangani kemaraan kuasa tersebut. Pada masa yang sama juga sebagai seorang anak yang amat bersimpati dengan nasib bapanya yang terjebak dalam kancah pergolakan kuasa. Lauddin menyaksikan sendiri (dan terlibat dengan) keperitan cabaran yang dihadapi dan dilalui bapanya sebagai seorang pedagang biasa yang amat jujur dan gigih, pun sangat rapuh dan mudah dimanipulasi oleh kuasa (Sultan Banten dan Belanda) dan terdedah pula kepada hasad dengki dan fitnah.

Seperti yang digambarkan Lauddin, Nakhoda Muda merupakan contoh seorang peniaga Melayu yang terperangkap bukan sahaja dalam karenah kuasa raja (Sultan Banten) tetapi lebih perit lagi turut terseret dalam krisis persaingan monopoli lada oleh kuasa asing. Dalam kes ini Belanda dan Inggeris (musuh yang berlarutan). Masalah yang bertubi-tubi menimpa hidupnya¹³ kerana percubaannya untuk menyukakan hati Sultan Banten dan Belanda.

Pun kerana adatnya budaya niaga itu, para ketua (*perowatin*) atau pemegang kuasa akan cuba merebut kekayaan atau menjatuhkan satu sama lain,¹⁴ Nakhoda Muda menjadi mangsa tohmahan palsu komplot Si Talib dan Sarjan Raus. Akhirnya, di sebalik segala jasanya kepada Belanda dan Sultan Banten, Nakhoda Muda dan keluarganya dipenjarakan, hartanya dirampas kerana dikatakan bersekongkol dengan Inggeris. Walaupun mendapat jaminan perlindungan daripada Inggeris, namun akhirnya tiada apa yang dilakukan oleh Inggeris untuk melindungi keluarga tersebut.¹⁵ Unit keluarga tersebut berserakan membawa diri lari daripada Belanda. Lebih malang, Sultan Banten sendiri tidak menunjukkan pedulinya (atau mungkin takut atau tak berdaya) untuk membela nasib malang keluarga ini.

Demikian, *Hikayat Nakhoda Muda* merakamkan kemelut jatuh bangun sebuah keluarga pedagang Melayu yang terpicat dengan budaya niaga bukan sahaja kerana pesona ganjarannya, tetapi lebih sebagai cara mata pencarian. Penglibatan tersebut yang dilakukannya dengan jujur (juga naif tentang perangkap politik yang menantinya), tanpa diduganya, memerosokkannya ke dalam krisis kuasa dan persaingan perdagangan lada antara Belanda dan Inggeris. Akhirnya keluarga ini kecundang sebagai gelandangan atau pelarian di negeri sendiri. Nakhoda Muda mati dalam kedaifan dirinya sebagai pelarian.

Hikayat Deli (teks diselenggara oleh Tengku Syarafina dan Wan Syaifuddin, 2003) merupakan sebuah teks yang nampaknya cukup mencelarukan; tuntutan pengarangnya bahawa "... inilah hikayat keturunan raja negeri Deli" nampaknya tergelincir jauh daripada sasarannya.¹⁶ Di samping beberapa baris asal usul Muhammad Dalek (leluhur awalnya dikaitkan dengan Iskandar Zulkarnain). Teksnya membawa pembaca memasuki dunia kepahlawanan berskala epik, dan menyaksikan eksploitasi keperwiraan Muhammad Dalek dalam satu perjalanan perangnya yang panjang dan luas (Kedah, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Petani, Melaka dan Kemboja) untuk menunaikan misi peluasan kuasa Sultan Iskandar Muda Aceh.¹⁷

Sepanjang perjalanan tersebut kita dipaparkan dengan pemantapan imejnya yang gagah perkasa, mirip wira agung Dunia Melayu seperti Malem Dagang (wira Aceh), Brahim Bapa (wira Pasai) malah juga Hang Tuah (wira Melaka). Setelah menyelesaikan misi tersebut, barulah wira ini meninggalkan Aceh, setelah mendapati Sultan Iskandar "bermain" dengan isterinya, dan membawa dirinya ke hujung tanah Sumatera dan akhirnya mengasaskan Kerajaan Deli.

Demikian itu, seluruh peristiwa bukan bertujuan untuk menyusurkan asal usul yang khayali seperti yang berlaku dalam kebanyakan karya sejarah (*annal*), tetapi mengungkapkan aspek keperkasaan keturunan Deli. Riwayat tentang Muhammad Dalek, walaupun nampak tersasar daripada sebuah karya sejarah, namun sebenarnya berfungsi untuk melakarkan asal usul keturunan Deli dan pembukaan Deli.

Seterusnya, apa yang dapat dirumuskan tentang hikayat ini? Ketaranya, latar sejarah *Hikayat Deli* diletakkan pada zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636), Raja Aceh yang terkenal dengan dasar peluasan kuasanya di kawasan Selat pada abad ke-17. Walaupun mengisahkan situasi Dunia Melayu pada abad ke-17 dan ke-18, tetapi dipercayai hikayat ini ditulis pada awal abad ke-19 (1800-1840-an), pada zaman pemerintahan Sultan Mangedar Alam dan anaknya Osman. Dua orang raja Deli ini amat aktif dalam peranannya untuk memantapkan kuasa politik dan ekonomi Deli.

Seperti yang dibincangkan pada bahagian awal, abad ke-17 hingga ke-19 merupakan abad perdagangan lada yang amat pesat di Sumatera. Perdagangan ini membawa masuk Belanda¹⁸ dan Inggeris yang bersaing untuk mendapatkan monopoli perdagangan lada di kawasan tersebut (lih Reid, 1969). Deli muncul sebagai kuasa perdagangan baharu di pantai timur Sumatera, selepas kejatuhan Aceh akibat perang saudara (Anderson, 1971).¹⁹ Sultan Mangedar Alam dan anaknya Osman dikatakan memperlihatkan sikap dan penglibatan yang amat proaktif dalam aktiviti perdagangan tersebut, terutama perhubungan perdagangan dengan British di Pulau Pinang (lihat A.Milner, 1977). Monopoli perdagangan lada tersebut membawa kepada peluasan kuasa Deli ke arah timur Sumatera.

Berdasarkan latar sosioekonomi yang demikian mencabar, kita mungkin dapat faham mengapa sifat keperkasaan, kebijaksanaan mengatur strategi dan sifat eksploratif lebih diperlukan daripada kedaulatan. Karisme raja pada abad ke-19 tidak lagi bergantung pada kedaulatannya, tetapi kepada *worldly traits* seperti kehandalan merancang strategi, bersifat arif alam dan kesediaan membuka diri kepada cabaran semasa.

Muhammad Dalek sebagai wira perang di perairan antarabangsa, menyediakan sifat serta kualiti peribadi yang demikian. Muhammad Dalek bukan sahaja menjadi wira bangsa Deli, tetapi juga “model” kejayaan dan inspirasi kepada zuriat keturunannya, terutama dalam mengendalikan persaingan perdagangan pada abad ke-19.

Hikayat Deli bukan karya sejarah seperti yang kita harapkan, pun hikayat ini sebenarnya tidak tersasar daripada niat pengarangnya—menurunkan keturunan raja Deli (termasuk asal usul rajanya dan pengasasan negerinya). Hanya teks ini tidak memilih untuk menyampaikan keturunan rajanya mengikut konvensi sejarah (*annal*) yang lumrah. Ada fitur lain pada wajah jurai keturunan raja Deli yang lebih diberi penonjolan.

Hikayat Deli memilih untuk memberi pewarnaan lain pada sifat dan wajah raja-raja Deli. Pemberatan bukan diberi kepada asal usul yang bersifat mitos dan legenda; atau kepada sari pati kedaulatan (kesucian, kedewaan) yang menjadi

tonggak legitimasi raja-raja Melayu, tetapi kepada sifat fizikal, seperti keperkasaan, keberanian, kehandalan menangani peperangan dan sifat yang membina seorang perwira, bukan raja. Merujuk = zaman pengkaryanya. Sifat raja yang begini mungkin dianggap lebih realistik dan pragmatik.

Teks seterusnya yang menampakkan pengaruh budaya niaga terhadap pengkaryaan dan karya sastera ialah *Hikayat Ranto*. *Hikayat Ranto*, berbeza dengan dua teks yang awal, cuba untuk mengedepankan isu sosial yang melanda masyarakat peribumi akibat tarikan budaya wang.

Hikayat Ranto (berdasarkan naskhah yang diterjemah dan disunting Drewes, 1980) merupakan teks Aceh yang tampil sekitar abad ke-19, dikarang oleh seorang yang menamakan dirinya Leube (lebai) Isa (kemudiannya mendapat gelaran hormat, Teungku Bambi). Beliau berasal dari Kampung Bambi di Pidie, kemudiannya berpindah dan menetap di Keulibeuet. Tidak dinyatakan bila hikayat ini dikarang, namun daripada isu sosial yang dibangkitkan dalam teks, dapat diandaikan hikayat ini berlatarkan zaman ketika Aceh dijadikan ladang lada sekitar abad ke-18/19.

Daripada nada Islamnya yang pekat dan isu sosial yang ditanganinya menampakkan dirinya sebagai seorang ulama yang bukan sahaja arif tentang soal akidah, tetapi juga arif tentang dunianya. Beliau berdiri sekali gus sebagai seorang pengarang yang amat peka terhadap kebejatan sosial yang melanda bangsanya hatta merakamnya; juga sebagai seorang ulama yang amat komited untuk memperbetul “kejatuhan moral” bangsa Aceh akibat “kegilaan” anak-anak mudanya yang merantau kerana tarikan “wang-ringgit”.

Seluruh keporakperandaan sosial akibat hambatan budaya wang ini ditulis berdasarkan pengalaman yang dihayati dan penyaksian mata pengarang. Pengarangnya sendiri biasa merasai pahit maung hidup di daerah Ranto, khususnya kebun lada. Beliau menyaksikan penyelewengan dan maksiat yang berleluasa di Ranto, dan mungkin juga turut melihat atau sekurang-kurangnya mendengar tangisan anak isteri yang ditinggalkan di desa.

Berdasarkan pengalaman dan penyaksian matanya, pengarang ini membawa kepada kita melalui baris puisi hikayatnya, sebuah dunia sebenar isu sosial yang timbul akibat keghairahan anak muda (para suami) meninggalkan kehidupan dan keluarga di kampung halaman untuk mengejar peluang di Ranto.²⁰ Sasaran khalayaknya amat eksplisit, anak muda yang berhasrat “merantau”, mereka yang sedang “merantau”, dan mereka yang terkena tempias percikan haba merantau.

Kepada mereka, pengarang melukiskan kejelikan budaya merantau ini: pesonaannya yang palsu, derita hidup yang dibawanya, korupsi dan manipulasinya. Mesejnya juga eksplisit, kepada yang belum pergi (tapi berhasrat untuk pergi),

pengarang meminta mereka menarik balik langkah. Kepada mereka pengarang berkhotbah tentang “busuknya” harta dunia, tentang godaannya yang boleh menyesatkan manusia. Kepada yang sudah terlanjur merantau, pengarang meminta supaya mengubah laku dan haluan, insaf dan kenangkan:

ibu bapa yang menangis merindui kepulangan
 anak-anak yang tertanya-tanya bapanya
 isteri yang terbiar makan pakainya
 rumah yang bocor bumbungnya,
 dan jungkang-jungkit lantainya.
 sawah ladang yang terabai.

Atau sekiranya nekad juga untuk pergi, pengarang meminta supaya mereka perkasakan diri dengan iman untuk menyimpang daripada pelbagai pukut maksiat, seperti madat/candu, judi, sabung ayam, korupsi yang berleluasa di Ranto dan sentiasa menanti untuk memerangkap yang lemah iman.

Kepada mereka yang secara tidak langsung terseret ke dalam lingkaran budaya merantau, terutamanya para isteri yang ditinggalkan, pengarang meminta mereka mengubah sikap dan perangai kerana karenah merekalah punca suami menyahkan diri dan pergi merantau (Drewes, 1980:3, terjemahan saya):

Sekarang dengarlah wahai para isteri

...

Janganlah terlalu inginkan gelang kaki, kelak suamimu mati di rimba
 Janganlah terlalu inginkan gelang tangan, kelak suamimu akan pergi
 Janganlah terlalu inginkan cincin di jari, kelak kamu tidur sendirian

Di samping memujuk dan menasihati, pengarang tegar dengan sikapnya yang cukup kritis terhadap amalan budaya merantau ini. Pengarang mengkritik dampaknya terhadap kerukunan hidup masyarakat Aceh, terhadap institusi perkahwinan (perceraian), terhadap sistem keluarga (ibu bapa terabai, anak-anak terbiar), malah terhadap ekonomi desa (sawah terbiar, kemiskinan melanda kerana tiada hasil tani, rumah reput atau rosak),

Pengarang juga mengungkit isu negatif akibat kemunculan trend ekonomi kapitalis, seperti amalan riba dan memeras, sistem pajakan dan pinjaman wang; bertaruh (sabung ayam); juga penyakit sosial yang menular daripada sistem ekonomi tersebut, iaitu pematik, penjudi, pencuri, penipu dan keruntuhan iman kerana mengejar keduniaan. Umumnya seluruh spektrum sosial yang terlibat dengan budaya merantau ini mendapat pengamatannya dan hatta penilaiannya yang kritis.

Di sebalik senario jelik tersebut dilukiskannya pula penderitaan mangsa merantau (Drewes, 1980:11, terjemahan saya):

Tahukah kalian keadaan di negeri Ranto? Kesukaran di merata-rata
Waktu sakit mengaduh dan mengerang tak terkira
Kalih kiri, kalih kanan, hilang selera untuk makan
...
Kalau bertuah akan pulang, kalau tidak mati di Ranto

Juga turut dimasukkan dalam lukisannya ialah wajah buruk para isteri yang ditinggalkan, termasuk lagak dan tindak-tanduk para isteri yang curang sewaktu ketiadaan suami. Juga dimasukkan dalam bingkai lukisannya ialah wajah mentua dan ipar yang “mata duitan”, dan menjadi penghasut dan peroboh rumah tangga.

Tidak terlepas daripada cubitannya ialah kelakuan dan perangai para suami yang lupa daratan dan tanggungjawab setelah berada jauh di rantau kerana asyik berjudi dan bersabung. Pengarang memilih secara khusus satu senario menyambut Hari Raya untuk melukis kemelut anak isteri perantau di desa. Pada petang Raya perantau sepatutnya pulang membawa daging dan pakaian baharu untuk anak isterinya tetapi sebaliknya ia pergi berjudi, sedang isterinya gelisah menanti.

Demikian *Hikayat Ranto* menangani pelbagai isu merantau yang menebar di Aceh pada abad ke-19. Pengarangnya melihat fenomena merantau melalui kaca mata yang cukup kritis. Baginya kemunculan ekonomi perdagangan (ladang lada) tidak membawa manfaat kepada peribumi, malah merosakkan kerukunan institusi peribumi, menggugat kehidupan mereka yang normal. Di samping menonjolkan pelbagai amalan ekonomi kapitalis yang bercanggah dengan budaya peribumi dan Islam, pengarang juga memperlihatkan kesannya terhadap psikologi, sosial dan ekonomi peribumi hatta menyeru melalui baris puisinya supaya budaya merantau ini dinilai kembali oleh peribumi Aceh. Keseluruhan hikayat, pengarang menampakkan dengan jelas sikap komitednya kepada tujuan tersebut, dan daripada khalayaknya ia juga mengharap komitmen yang sama.

Sebuah lagi karya sastera abad ke-19 yang menampakkan pengaruh budaya niaga, ialah *Syair Sinyor Kosta* (teks diselenggarakan Mohd Yusof Md Nor, 1986). Karya ini bukan sahaja menggambarkan keperihalannya masyarakat niaga di sebuah kota pelabuhan, tetapi turut mematuatkan konvensi genre sebuah roman, iaitu tema, watak, latar untuk menyesuaikan dengan budaya niaga yang lebih bersifat kosmopolitan, demokratik dan liberal. Karya ini bermodelkan sebuah karya roman namun pada masa yang sama merungkai konvensi genre ini, hatta menampakkan satu estetika pertentangan yang menarik. Akibatnya, yang tampil ialah sebuah dunia roman yang diterbalikkan, malah genre itu sendiri diparodikan.

Budaya niaga yang berpusat di kota pelabuhan, membawa masuk pelbagai rasa tau bangsa yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dengan keperihalan perniagaan, seperti pedagang tetap, pedagang berkala (ikut musim), orang tengah, kerani, juruwang, buruh upahan. Keadaan ini melahirkan masyarakat yang bersifat kosmopolitan (juga kacukan). Di Melaka contohnya sejak abad ke-16/17 sudah terdapat bangsa Cina, Tamil, Arab, Burma, Pegu, Kemboja, Jawa²¹ kemudiannya bangsa Eropah yang pada awalnya Portugis, Belanda.

Budaya niaga yang lebih pesat, liberal dan demokratik muncul di kota pelabuhan ini selepas pusat perdagangan ini diambil alih kuasa baharu Eropah. Perdagangan bukan sahaja melahirkan budaya materialistik (budaya wang) tetapi membawa masuk juga nilai baharu yang diasosiasikan dengan masyarakat niaga, seperti gundik, hiburan (perempuan joget), judi, hutang, minum arak, pelacuran (perempuan mainan, ibu ayam).

Syair Sinyor Kosta diletakkan dalam latar budaya niaga yang demikian. Syair ini menggambarkan seluruh senario dan fenomena tersebut. Latarnya sebuah kota pelabuhan (mungkin Melaka) yang amat kosmopolitan sifatnya. Seluruh spektrum panorama sebuah kota pelabuhan di sorot satu demi satu, seperti fitur topografi yang memaparkan pelabuhan, gudang batu, rumah bertingkat tauke Cina, kedai emas, pasar ikan, lorong sempit; dan juga aktiviti seharian kota niaga²² kesesakan pelabuhan (kapal berjari lipan), urusan jual beli, kesibukan kuli Jawa mengangkut barang, riuh-rendah tawar-menawar di pasar ikan, tengking-herdik penagih hutang; orang kaya di kedai emas; orang-orang India bermain dadu, orang Cina bersiar atau minum arak dan sebagainya.

Dalam latar beginilah seorang saudagar Portugis (Sinyor Kosta) yang muda dan segar (bukan seorang putera raja, seperti dalam karya roman tradisional) dipertembungkan dengan gundik Baba Ceko, seorang wanita dari Pegu, yang amat rupawan (juga bukan seorang puteri bangsawan). Pertembungan ini menjadi titik tolak kepada motif cinta terlarang yang memang merupakan motif yang popular dalam cerita roman. Namun, dalam syair ini cinta terlarang itu bukan sahaja terhalang kerana wujudnya penjarah, tetapi kerana wanita ini isteri orang.

Plot kemudiannya bergerak untuk meleraikan konflik yang janggal ini.²³ Dalam meleraikan isu ini, seluruh dunia kebangsawanan, makna kewiraan dalam roman diterbalikkan, diparodikan. Sifat unggul wira, keberanian, kecekalan, kebijaksanaan, digunakan di sini untuk menculik kekasihnya daripada suaminya. Kebijaksanaan dan kuasa digunakan untuk menipu (memberi minum arak kepada Baba Ceko sehingga cukup mabuk sehingga mengalpakannya). Merasuah dan mengupah orang tengah (wanita Bali yang memainkan peranan “nenek kebayan” tetapi licik, tidak jujur,

materialistik) untuk menggunakan ubat guna-guna kepada Lela Mayang sehingga wanita itu sanggup lari mengikutnya.

Konsep wira tradisional yang unggul diterbalikkan untuk memasukkan ke dalam peribadi wira sifat manusia yang sebenar (*the common man*), sifat yang kadangkalanya lebih rendah, kompleks, tidak tipikal dan berwarna-warni. Dalam konteks makna yang demikian, konsep moral menjadi lebih kelabu dan samar-samar. Sinyor Kosta yang licik dan tidak bermaruah diberi kemenangan pada akhir cerita. Baba Ceko yang berjuang atas landasan maruah dan kebenaran, bukan sahaja menjadi mufis (kerana menggunakan kekayaannya untuk merebut balik isterinya) tetapi juga kecundang. Jarang-jarang sekali penjarah diberi ganjaran dalam roman istana (roman tradisional). Hal ini membawa mesej moral yang berbeza, mungkin lebih realistik. Kerana dalam hidup nyata, tidak semua yang baik itu menang dan mendapat ganjaran.

Alam kebangsawanan yang menjadi sari pati roman istana juga turut diterbalikkan. Wiranya bukan sahaja bukan warga bangsawan, tetapi orang asing yang selalunya dilihat dengan penuh prasangka dan curiga. Nilai kebangsawanan yang berteraskan adab yang terangkum dalam diri wira, dipecahkan.

Wira bangsawan sentiasa dikaitkan dengan pemelihara dan pemulih ketertiban alam istana, di sini digambarkan sebagai punca huru-hara alam, iaitu peranan yang dimainkan penjarah. Sinyor Kosta dengan demikian ialah tokoh yang kabur dan bercanggahan. Beliau ialah wira dan penjarah sekali gus. Dalam dunia kebangsawanan, wira membawa sifat positif yang sehalu dan telus, seperti bangsawan, kacak, baik, mewah, berani, jujur, bijaksana dan sentiasa menang dalam pertarungannya serta mencapai objek yang diidamkannya.

Demikian juga unsur sihir, magis dan segala rincian yang indah-indah (hiasan keupacaraan dan kebendaan) yang menjulang ruang alam roman istana ke tingkat dunia fantasi tinggi, disisihkan sepenuhnya. Yang tampil ialah sebuah dunia pejal yang hiruk-pikuk dengan pelbagai bunyi (tawar-menawar, tengking-menengking, pujuk rayu Sinyor Kosta, merdu muzik dan suara nyanyian perempuan joget); pelbagai bau (hamis ikan, bau mabuk arak, wangian Siti Lela Mayang dan sapu tangan Sinyor Kosta, haruman bunga karangan Milam Bali); kacau-bilau (penculikan, peperangan di laut) dan pelbagai fiil manusia daripada pelbagai bangsa dengan segala peristiwa harian yang mewarnai sebuah kota pelabuhan yang lumrah.

Demikian itu *Syair Sinyor Kosta* membawa ke depan sebuah kota pelabuhan dagangan, sebuah dunia yang mudah dijangkau dan diperikan; diisi dengan manusia dan isu yang lebih realistik dan normal, sesuai dengan budaya niaga yang lebih kosmopolitan, demokratik dan lebih kelabu nilai moralnya.

KESIMPULAN

Demikian makalah ini secara terpilih, telah mencuba untuk memperlihatkan beberapa karya sastera yang menggarap tema perdagangan, pengalaman anak Melayu dalam budaya niaga, isu moral yang terbit daripada penglibatan dalam budaya niaga atau budaya wang di beberapa daerah di nusantara, dan akhirnya secara fiksiyen mencuba untuk mencontohi secara konkrit seluruh spektrum dunia perniagaan melalui kisah cinta yang unik antara seorang pedagang Portugis dengan wanita Pegu yang berlaku di sebuah kota perdagangan.

Berdasarkan analisis tersebut makalah ini merujuk balik kepada dasar andaiannya, bahawa karya sastera itu sentiasa dipengaruhi dunia sosialnya, iaitu genre, konvensi yang kadang-kadang dipatutkan untuk menyesuaikan dengan realiti luar teks. Pada masa yang sama sastera juga turut peka dan memberi reaksinya kepada dunia sosial tersebut, kadang-kadang mengkritik dan membetulkannya.

NOTA

- 1 Produk lain dari Nusantara ialah emas, bijih, barus, gaharu, damak dan beras.
- 2 Pusat rempah di kepulauan Maluku.
- 3 Untuk selanjutnya *lih* Reid, 1969; Brown, 2003.
- 4 Antaranya termasuklah perebutan kuasa, perang saudara seperti yang berlaku di Aceh dan di Banten.
- 5 Biasanya melalui cukai dan monopoli penganan.
- 6 Kontrari kepada kepada kepercayaan lama bahawa kuasa raja terletak pada daulatnya.
- 7 Dicontohi Sultan Banten dalam *Hikayat Nakhoda Muda*.
- 8 Terutama pada zaman Sultan Mengedar Alam dan anaknya Osman, *lih* Reid, 2008.
- 9 Juga untuk memelihara sumber ekonominya –perdagangan, hatta kuasanya, *lih* Nina H.Lubis, 2003.
- 10 Mungkin kota tersebut ialah Melaka, semasa itu di bawah kuasa Belanda pada abad ke-17.
- 11 *Lih* Hadijah Rahmat, 2001 untuk maklumat dan analisis tentang teks ini.
- 12 Keperihalan tentang abad dan genre transisi *lih* Noriah Taslim, 2007, 2010a.
- 13 Mengalahkan suku Abong, membina rumah untuk pegawai Belanda, membantu dalam perang saudara antara Sultan Banten dan Ratu Bagus Buang, mengawal kesetiaan penduduk Semangka.
- 14 *Lih* Milner, 1982 tentang gejala ini.
- 15 Polisi Inggeris yang enggan campur tangan dengan masalah penduduk tempatan.
- 16 Untuk keperihalan lanjut tentang *Hikayat Deli*, *lih* Milner 1982 dan Noriah Taslim, 2010.
- 17 Sultan Aceh yang terkenal dengan dasar peluasan kuasanya di Sumatera dan Semenanjung pada abad ke-17.
- 18 Yang mengasaskan kuasanya di sini pada tahun 1860.

- 19 Deli asalnya di bawah jajahan Aceh.
- 20 Merujuk kawasan ladang lada di sebelah barat Aceh.
- 21 Mengikut Tome Pires, (dlm. Yusoff Iskandar, 1979) Melaka mempunyai lebih kurang 59 jenis suku etnik dari dalam dan luar Nusantara.
- 22 *Lih* Braginsky, 2004 untuk teknik kamera yang digunakan pengarang untuk menyorot seluruh aktiviti dan senario di kota pelabuhan tersebut.

RUJUKAN

- Anderson, John, 1971. *Acheen and the Ports on the North and East Sumatera*. K. Lumpur & Singapore: OUP.
- Braginsky, Vladimir, 2004. *The Heritage of Traditional Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Brown, Collin, 2003. *A Short History of Indonesia*. Auztralia: Allen & Unwin.
- Drewes, G.W.J. 1961. *De Biografie van een Minangkabausen Peperhandelelaar in de Lampongs*. KITLV: Martinus Nijhoff
- Hadijah Rahmat, 2001. *In Search of Modernity*. K. Lumpur: The Academy of Malay Studies, Univ Malaya.
- Milner, A.C., 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson, Arizona: The University of Arizona Press.
- Mohd Yusof Md Nor (peny.), 1986. *Syair Sinyor Kosta: Satu Kajian Teks*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Nina H. Lubis, 2003. *Banten dalam Pergumulan Sejarah*. Jakarta: LP3ES.
- Noriah Taslim, 2007. "From Ethnocentrism to Eurocentrism: Positioning Abdullah Munshi's Discourse on the Malays" dlm. *Malay Literature*. Vol 20.
- Noriah Taslim, 2010a. "Melukis Wajah Aceh di Zaman Merantau" dlm. *Dewan Sastera* Julai, 2012.
- Noriah Taslim, "Syair Peri Tuan Raffles pergi ke Minangkabau: A Preliminary Reading of an Early 19th Century Travellogue" dlm. *Malay Literature*. Vol 23. Number 2, 2010b.
- Reid, Anthony, 1969. *The Contest for North Sumatra; Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898*. Kuala Lumpur: OUP.
- Reid, Anthony, 2008. "Merchant Princes and Magic Mediators: Outsiders and Power in Sumatra and Beyond" dlm. *Indonesia and the Malay World*, Vol 36 No 105, Julai, 2008.
- Tengku Syarafina dan Wan Syaifuddin (peny.), 2003. *Hikayat Deli*. Medan: Yandira Agong.
- Yusoff Iskandar, 1979. "Masyarakat Melaka 1400-1511 dengan Tinjauan Khusus mengenai Orang-orang Asing" dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Persatuan Sejarah Malaysia, K. Lumpur.